

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N23 AIR PUTIH

Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani,

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berucap walaupun dalam masa yang singkat. Ucapan saya pada hari ini akan berkisar mengenai 2 tema utama yang sangat penting untuk diambil perhatian iaitu:

- **Memperkasa Pendidikan Pembangunan Mampan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan**
- **Kempen Kurang Plastik Sekali Guna dan Kempen Pengasingan Sisa Pepejal di Pulau Pinang**

Memperkasa Pendidikan Pembangunan Mampan di sekolah-sekolah dan institusi

Menurut Nelson Mandela, pendidikan adalah senjata paling kuat yang boleh kita gunakan untuk mengubah dunia. Oleh itu, untuk menyokong gagasan Bangsa-bangsa bersatu untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan atau SDGs, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting. Ia juga sejajar dengan (UNESCO, 2015) di mana pendidikan boleh, dan mesti, menyumbang kepada visi baharu pembangunan global yang mampan. Oleh hal yang demikian, bukan 10 atau seratus buah sekolah, tetapi semua sekolah di Malaysia perlu menerapkan ESD atau Pendidikan Pembangunan Lestari di sekolah. Sebelum kita membincang tentang mengapakah ESD begitu penting? Cuba fikir apakah objektif pendidikan kita, apakah output yang kita harapkan selepas murid-murid tamat persekolahan? Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pendidikan adalah untuk menyediakan murid-murid bersedia dengan kerjaya masa depan mereka. Kesenambungan antara pendidikan dan kerjaya serta komuniti adalah amat penting. Kesenambungan yang dimaksudkan termasuklah kaedah mengintegrasikan pelbagai elemen seperti alam sekitar, sivik, moral, keusahawanan dalam pdpc mereka. Tidak dapat dinafikan, memang ada sekolah

telah menfintegrasi elemen-elemen ini dengan baik, tetapi isunya jika ingin mengubah satu masyarakat, ia tidak boleh hanya berfokus kepada beberapa buah sekolah sahaja, tetapi perlu memastikan semua sekolah atau majoriti sekolah dapat memberi pendidikan yang berkualiti.

ESD atau pendidikan pembangunan lestari adalah satu pendidikan yang mementingkan kualiti pendidikan yang mampu memastikan murid-murid dididik bukan sahaja mampu mempraktikkan amalan kelestarian alam sekitar dalam kehidupan harian, ia juga mementingkan moral dan pemikiran murid-murid. Oleh itu, Matlamat ESD terdiri daripada dua. Pertama, ESD bertujuan untuk melahirkan guru dan pelajar yang prihatin terhadap isu-isu tentang mewujudkan masyarakat mampan, dengan tumpuan kepada "6 perspektif" yang membentuk masyarakat mampan. 6 konsep pembinaan masyarakat mampan ialah kepelbagaian, saling bergantung, had, keadilan, kerjasama dan tanggungjawab.

Kedua, guru dan pelajar mesti membangunkan "7 kompetensi dan sikap" untuk mewujudkan masyarakat yang mampan. Untuk lebih tepat, terdapat 5 kompetensi dan 2 sikap. Bagi kecekapan, ia terdiri daripada kebolehan berfikir secara kritis, merancang dengan jangkaan senario masa depan, berfikir dalam pelbagai dimensi, berkomunikasi dan bekerjasama dengan orang lain. Sebaliknya, 2 sikap yang perlu ditekankan dalam ESD ialah menghormati perhubungan dan perhubungan, serta mengambil bahagian secara proaktif dalam program dan aktiviti.

Oleh itu, saya bercadang agar pihak kerajaan perlu mengambil inisiatif mengurangkan pertandingan antara sekolah dari segi peningkatan kualiti pendidikan dan ESD malahan lebih mementingkan kepada memberi pengiktirafan kepada sekolah yang telah mencapai standard pendidikan berkualiti dan membudayakan amalan saling berkongsi. Ini kerana budaya pertandingan akan menyebabkan sekolah-sekolah akan menyimpan sumber-sumber tertentu untuk mengelak sekolah lain mengambil ideanya.

Selain itu, latihan guru yang berterusan perlu diberikan mengikut keperluan dan bukannya melaksanakan kursus untuk menghantar laporan sahaja. Kualiti adalah

lebih penting daripada kuantiti. Kualiti pdpc turut perlu ditekankan agar sentiasa mengikut perkembangan semasa.

Pihak KPM juga haruslah menjadikan budaya kelestarian alam satu budaya sekolah yang harus diamalkan di sekolah agar anak murid dapat menjadikannya satu amalan dalam kehidupan.

Kempen Kurang Plastik Sekali Guna dan Kempen Pengasingan Sisa Pepejal di Pulau Pinang

Sebagai orang Pulau Pinang, saya memang kagum dan bangga kerana kita sentiasa berada di hadapan berbanding dengan semua negeri di Malaysia dari segi kelestarian alam sekitar. Antara inisiatif kerajaan Pulau Pinang termasuklah Kempen Sifar Politsren, sehingga kini Kempen Kurangkan Beg Plastik dengan harga RM1 pada setiap hari. Hakikatnya, kempen RM1 memang berkesan bagi saya kerana orang yang malas seperti saya berasa amat tidak berbaloi beg plastik dengan harga RM1.

Walau bagaimanapun, isu pada hari ini adalah mengapakah sisa ke tapak pelupasan sampah sukar untuk menurun? Apakah puncanya?

Biar saya memberi satu situasi yang telah kami hadapi. Pulau Pinang amat unik dengan pelbagai program pembudayaan dan program-program lain yang mampu menarik pelancong. Cuba fikirkan betapa banyak sisa plastik sekali guna yang dihasilkan dalam setiap majlis. Untuk Program seperti Miao Hui yang baru dilaksanakan, hampir semua gerai menggunakan plastik sekali guna dan jika betapa banyak sisa yang telah dihasilkan. Peranan persatuan saya mengambil tanggungjawab untuk mengurangkan sisa plastik dengan mendidik orang awam kaedah mengasingkan sisa. Dalam realiti kami dapati betapa rendahnya tahap kefahaman masyarakat sekarang untuk mengasingkan sampah serta membersihkan meja selepas makan. Adakah ini salah masyarakat di luar sana? Tidak... Ini adalah tanggungjawab kita dalam kerajaan negeri untuk mengambil inisiatif bersama dengan insituti pendidikan untuk mendidik generasi muda, kerajaan tempatan seperti MBPP & MBSP untuk mendidik masyarakat dan menguatkuasa undang-undang secara serius, media memamarkan info-info pengasingan sisa dan berita tentang kes-kes

penguatkuasaan undang-undang jika tidak mengasingkan sampah. Semua ini mesti dilaksanakan secara pakej, bukannya secara asing berasingan.

Pada masa yang sama, saya juga ingin bercadang kepada kerajaan negeri adalah untuk memberi satu penyelarasan dalam cara mengasingkan sisa pepejal, memastikan semua sekolah asingkan sisa pepejal, menjalankan kursus kepada semua guru agar sekolah dapat mencapai standard 100% sisa pepajal diasingkan dengan betul dan bukannya menggunakan wang untuk menganjurkan pelbagai pertandingan yang hanya memanfaatkan segelintir sekolah. Cara ini adalah seperti cara negara Jepun di mana murid-murid dididik sejak kecil cara mengasingkan sisa agar boleh mengaplikasikan di rumah, tetapi “there is a missing link” dengan izin, di sini untuk negara kita.

Selain itu, pihak kerajaan turut harus memperkenalkan konsep “Less Litter, More 5R” 5R (Refuse, Reduce, Reuse, Recycle dan Rot). Hal ini boleh memastikan sisa ke tapak pelupusan dapat dikurangkan dan memastikan semua sampah mempunyai “infinity lives”. Konsep circular economy juga harus ditekankan dengan memberi insentif kurang tax bagi industri perniagaan yang menghasilkan produk dengan standard circular economy, atau bahan-bahan kitar semula boleh luas digunakan kepada kilang-kilang elektronik untuk membuat produk mereka.

Harapan saya adalah kita haruslah menggunakan wang yang minimum untuk memastikan semua program alam sekitar dilaksanakan mengikut root cause dan bukan menganjurkan pelbagai pertandingan yang tidak berimpak tinggi malahan membebankan pihak sekolah. Bantuan dan konsultasi pelbagai agensi untuk menjadikan budaya kelestarian alam satu budaya sekolah di semua sekolah di pulau pinang adalah jauh lebih penting dengan memberi pengiktirafan sebagai motivasi berbanding dengan mengajurkan pertandingan yang menyebabkan terdapat persaingan antara sekolah sehingga sumber-sumber tertentu tidak dikongsi.

Marilah kita mengubah komuniti melalui pendidikan pembangunan lestari yang berkualiti.

Sekian Terima Kasih.

Jerome Khou

N23 Air Putih

Sidang Muda 2022/23

